



**KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Web : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.2(28)
Tarikh : 10 Julai 2024
Bersamaan : 4 Muharam 1446H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN KERJA BIL. 28/2024 (K) : LAPORAN PERBEZAAN BAKI ASET BUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SUKUAN KEDUA (2) TAHUN KEWANGAN 2024

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 3 Tahun 2022 – Lampiran B3 : Garis Panduan Penyelenggaraan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan telah menetapkan supaya Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengemukakan Laporan Perbezaan Baki Aset Bukan Kewangan pada setiap suku tahun kepada JANM Negeri atau Bahagian Akaun Kementerian.

3. Sehubungan dengan itu, seperti yang telah dimaklumkan melalui Arahan Kerja Bil. 8/2023 : Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 3 Tahun 2022 bertarikh 16 Februari 2023 sebelum ini, PTJ dipertanggung perlu mengambil tindakan penyediaan laporan seperti berikut :

- i. Lampiran B3-A-A1 – Laporan Perbezaan Baki Aset Alih, Aset Biologi dan Aset Tak Ketara;
- ii. Lampiran B3-A-A2(i) – Senarai Aset Wujud Tetapi Tiada di Laporan Baki Aset;
- iii. Lampiran B3-A-A2(ii) – Senarai Aset Tidak Wujud Tetapi Ada di Laporan Baki Aset;
- iv. Lampiran B3-B-A1 – Laporan Perbezaan Baki Aset Tak Alih;
- v. Lampiran B3-B-A2(i) – Senarai Aset Wujud Tetapi Tiada di Laporan Baki Aset;
- vi. Lampiran B3-B-A2(ii) – Senarai Aset Tidak Wujud Tetapi Ada di Laporan Baki Aset.

4. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan juga, **kesemua laporan di Perenggan 3 (i) hingga (vi) perlu disahkan oleh Ketua PTJ dan dikemukakan secara *softcopy* kepada jabatan ini melalui e-mel upa_mlk@anm.gov.my selewat-lewatnya pada 08 Ogos 2024 (Khamis) ke Jabatan ini TANPA GAGAL.**


5. Bersama-sama ini disertakan *template* kosong bagi tujuan tindakan penyediaan laporan tersebut. *Template* ini juga boleh dimuat turun melalui pautan <https://drive.google.com/drive/folders/1CwJ7exLYIR-OCf-eM4e5TA60VydC-ZMS?usp=sharing>

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai Unit Pengurusan Aset di talian 06-2895038 / 5049 / 5047 / 5045 / 5041 / 5043. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”
“BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA(UK), C.A.(M))
Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka